

**PRU 14  
TUMBANGNYA  
KERAJAAN**

**MAJLIS**

20959  
ZAM

**ZAMAN AZAD KHAN**



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



**PRU 14:**

*Handwritten signature*

29.12.2019

**TUMBANGNYA KERAJAAN**

HP.0103053376

**NAJIB**

Wsp 0199037089

Oleh:

**Zaman Azad Khan**

PUSTAKA PERDANA



1012898

Cetakan Pertama: Jun 2019



**Penerbit: Mohd Zaman Azad Khan**

**Emel: zaman 212@yahoo.com.my**

**Pengarang: Zaman Azad Khan**

**Hak Cipta Terpelihara**

**Dilarang sama sekali mengeluarkan atau ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa jua bentuk atau apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain tanpa mendapat keizinan bertulis daripada Penerbit/Pengarang.**

**Perpustakaan Negara Malaysia**

**Data pengkatalogan – Dalam Penerbian**

**Zaman Azad Khan 1944**

**PRU 14: TUMBANGNYA KERAJAAN NAJIB/ ZAMAN AZAD KHAN**

**1. Malaysia Ficton (Malay)**

**2. Malay Ficton 1: Judul**

**Identiti Penerbit: ISBN 978-967-13880-2-0**

**Percetakan:**

**ABSTRACT PRINT HOUSE**

**8043, Batu 48, Jalan Paka,**

**23000 Dungun, Terengganu.**

**Pelukis Kulit: Syazali Muhamad**

## **KATA-KATA PENERBIT**

**Syukur dan Alhamdulillah. Selepas PRU 13: PERTEMBUNGAN, saya menghasilkan sebuah lagi buku berjudul 'PRU 14 TUMBANGNYA KERAJAAN NAJIB. Buku setebal 217 muka surat ini mengaitkan kegagalan Najib mengekalkan pemerintahannya. Perdana Menteri ke 6 itu serta beberapa pemimpin kanannya dilihat angkuh sepanjang pentadbirannya.**

**Bukan itu sahaja, malah sikap dan perilaku mereka pada sepanjang musim kempen pilihan raya seolah-olah melebihi kuasa Allah SWT yang mencetuskan kebencian rakyat. Najib dan kroonikroninya seolah-olah tiada muhasabah diri, melakukan penipuan dan pembohongan yang membebankan hidup rakyat. Mereka turut tidak sedar bahawa pemimpin kalau membohongi rakyat, matinya berkemungkinan tidak masuk Syurga.**

**9 Mei 2018 adalah tarikh keramat yang perlu diingat dan dikenangi oleh seluruh rakyat Malaysia berbilang kaum. Sejarah baru tercipta. Rakyat bersatu membuat pilihan dan menolak sebuah kerajaan yang sudah bertapak dengan pelbagai kerenah selama lebih 60 tahun.**

**Seorang pensyarah tempatan berpendapat, keputusan rakyat ini sekaligus membuktikan bahawa demokrasi masih wujud. Pilihan raya memberi kebebasan dan peluang kepada kerajaan yang memerintah bagi tempoh lima tahun akan datang. Semoga kuasa memilih ini kekal menjadi amalan generasi kita agar mereka menjadi penentu bagi sebuah Negara yang mendaulatkan rakyatnya.**

**Sekian semoga pengisian buku ini boleh membantu menambahkan pengetahuan, terutama generasi muda mengenai kemelut Negara. Yang baik itu anugerah Allah SWT, sementara yang buruk adalah kelemahan saya sendiri. Maaf dan terima kasih.**

## **Pendahuluan:**

**TANGGAL 9 Mei 2018 menyaksikan kejutan dalam negara. Sebuah kerajaan yang mentadbirkan Malaysia sejak lebih 60 tahun lalu tumbang dalam pilihan raya.**

**Tiada siapa menduga, dan tiada mana-mana pihak yang menyangka, suara rakyat adalah keramat. Suara keramat itu memecahkan 'kubu' yang selama ini dilihat kebal. Lebih mengejutkan, keruntuhannya diketuai seorang jeneral berusia 93 tahun yang sebelumnya diperlekehkan.**

**Keputusan PRU 14 menyaksikan kerajaan pimpinan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak (Barisan Nasional) tumbang dan tersungkur. Ia sekali gus memperlihatkan sejarah UMNO/ BN yang berkuasa selama lebih enam dekad berkecai seperti kaca terhempas ke batu. Selain Najib sebelumnya selaku Perdana Menteri, dan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (Timbalan Perdana Menteri) serta beberapa yang lain, termasuk Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein dan Tengku Adnan Tengku Mansor semacam tergamam atas kekalahan teruk yang dialami itu. Mereka terkejut kerana keputusan itu adalah di luar jangkaan mereka sama sekali.**

**Pakatan Harapan diketuai Tun Dr Mahathir Mohamad sekali gus dilantik Perdana Menteri ke 7, selepas gabungan Pakatan Harapan terdiri PKR, Bersatu, DAP dan Amanah berjaya menguasai majoriti kerusi Parlimen.**

**Pada PRU14, rakyat Malaysia membuat keputusan drastik dan di luar jangkaan banyak pihak apabila mereka memilih dan menukar kerajaan baru berprinsipkan demokrasi melalui pemilihan di peti undi.**

## **ALLAH GAGALKAN RANCANGAN JAHAT UMNO - PAS**

Sesungguhnya, tarikh 9 Mei 2018, Najib masih lagi Perdana Menteri. Polis masih lagi mengawal Najib. Zahid Hamidi masih lagi Menteri Dalam Negeri. Hasil sumber risikan Najib dan Zahid, mereka dimaklumkan untuk kekal memerintah.

Pada penghayatan Pengarang Ahmad Muslim Badawi, waktu itu PH sudah berjaya memerintah Putrajaya, tetapi ramai dari facebooker, kawan-kawan tak percaya, sebab di kaca TV menayangkan BN masih mendahului.

Memang benar SPR, hampir semua jentera kerajaan berusaha menyelamatkan regim Najib daripada tumbang. Najib dan Zahid Hamidi mula memujuk DS Anwar yang ketika itu masih di dalam penjara.

Antara sebab Pengarang yakin PH sudah berjaya menawan Putrajaya kerana apabila melihat keputusan yang keluar adalah bukan kawasan Bandar (bukan kawasan DAP). Keputusan dari Johor, Negeri Sembilan, Sabah...iaitu kawasan yang dikira mustahil dimenangi PH dipecahkan PAS.

Ketika itu, kawasan Parlimen seperti Kepong, PJ, Damansara, Ipoh Barat, Ipoh Timur dan beberapa Parlimen di Pulau Pinang masih belum diumumkan. Ini membuatkan Pengarang yakin PH dah memerintah Putrajaya. Bila melihat keputusan yang keluar adalah dari Johor pun menang, apa lagi Bandar seperti di Selangor, Wilayah dan Pulau Pinang.

Ketika itu, Pengarang masih ingat lagi, Pengacara Panel TV Awani mengumumkan kemenangan PH, sebab sudah ramai yang tahu keputusan sebenar walaupun belum rasmi. Masa itu, Panel di TV 1 sudah diam membisu mendapati data-data yang masuk menunjukkan Negeri Sembilan, Melaka dan Johor sudah ditawan PH. Alhamdulillah, Allah menyelamatkan kita daripada perancangan

jahat dan sulit Najib dan Haji Hadi. PAS dan UMNO dalam percubaan mereka memperdaya rakyat Malaysia untuk mengagalkan PH memerintah Putrajaya.

Ketika kerusi-kerusi di Bandar tidak diumumkan, SPR menukar strategi. Mereka umumkan terlebih dahulu keputusan di Terengganu, Kedah dan Kelantan yang dimenangi PAS. Dalam waktu yang sama cuba mengubah sebanyak mungkin keputusan di kawasan lain. Di Perak juga sebenarnya dikatakan PH memenangi melebihi kerusi yang ada hari ini, tetapi keputusan berubah selepas 2 pagi. Namun, rancangan mereka tetap gagal.

Harapan mereka mempergunakan SPR supaya kerusi PAS yang diumumkan boleh menyelamatkan Najib dan UMNO di Putrajaya... tetapi Allah tak izinkan niat jahat itu. Teori King Maker antara Najib dan Haji Hadi tak menjadi.

Namun, rancangan mereka tidak terhenti di situ selepas keputusan diumumkan, Najib masih berusaha menghalang pelantikan Tun Mahathir sebagai PM.

Bayangkan kalau PAS dalam gabungan PH, dah tentu Najib berjaya memujuk parti itu dengan seribu janji. Malam itu juga PAS akan khianat, bersama Najib dan UMNO dengan alasan demi menyelamatkan Melayu dan Islam.

Alhamdulillah, hari ini PH masih kekal sebagai pemerintah, dan In Syaa Allah akan kekal untuk empat tahun lagi, serta terus mengekalkan selepas PRU 15 nanti.

**TUN DR MAHATHIR** dipilih sebagai Perdana Menteri sejak 16 Julai 1981 hingga 31 Oktober 2003, iaitu Perdana Menteri ke empat. Berusia 92 tahun, Mahathir dipilih sebulat suara oleh parti-parti komponen Pakatan Harapan selepas mereka menang 122 kerusi Parlimen daripada 222 kerusi dipertandingkan pada PRU14.

**Beliau sekali gus mencipta sejarah menjadi ketua Negara paling tua dilantik dalam dunia melalui proses demokrasi.**

**Ahli Parlimen Langkawi itu mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri di hadapan Yang Dipertuan Agong, Sultan Muhamad V dalam istiadat Angkat Sumpah Perdana Menteri ke-7.**

**Selain isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali. kesemua pemimpin tertinggi Pakatan Harapan yang terdiri daripada Presiden PKR, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail, Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng dan Presiden Amanah, Mohamad Sabu hadir dalam majlis tersebut.**

**Terdahulu, kira-kira jam 5 petang, Mahathir menghadap Sultan Muhamad V selepas pihak istana menerima warkah pemakluman daripada Harapan yang memaklumkan beliau dicadangkan dan dipersetujui sebagai perdana menteri.**

**Mahathir sebelum ini adalah Perdana Menteri Malaysia ke-4 yang paling lama memegang jawatan tersebut, iaitu selama 22 tahun.**

**Pada Oktober 2008, beliau melepaskan jawatan itu serentak Presiden UMNO yang selepasnya dianugerahkan dengan gelaran Bapa Pemodenan Malaysia.**

**Namun, kemudiannya beliau mengambil keputusan keluar dari UMNO dan kembali aktif dalam politik, memegang jawatan Pengerusi Bersatu dalam misi menentang Barisan Nasional (BN) pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.**

**Dalam PRU 14 pada Rabu, 9 Mei 2018, menyaksikan Harapan mencipta sejarah dan menamatkan penguasaan UMNO-BN yang menerajui Negara lebih 60 tahun.**

**Ini sekali gus menunjukkan negeri-negeri yang menjadi kubu kuat BN seperti Johor, Negeri Sembilan dan Melaka bertukar tangan kepada Pakatan Harapan, serta turut mengekalkan Pulau Pinang dan Selangor, Perak, manakala Kedah pula kembali dirampas.**

jahat dan sulit Najib dan Haji Hadi. PAS dan UMNO dalam percubaan mereka memperdaya rakyat Malaysia untuk mengagalkan PH memerintah Putrajaya.

Ketika kerusi-kerusi di Bandar tidak diumumkan, SPR menukar strategi. Mereka umumkan terlebih dahulu keputusan di Terengganu, Kedah dan Kelantan yang dimenangi PAS. Dalam waktu yang sama cuba mengubah sebanyak mungkin keputusan di kawasan lain. Di Perak juga sebenarnya dikatakan PH memenangi melebihi kerusi yang ada hari ini, tetapi keputusan berubah selepas 2 pagi. Namun, rancangan mereka tetap gagal.

Harapan mereka mempergunakan SPR supaya kerusi PAS yang diumumkan boleh menyelamatkan Najib dan UMNO di Putrajaya... tetapi Allah tak izinkan niat jahat itu. Teori King Maker antara Najib dan Haji Hadi tak menjadi.

Namun, rancangan mereka tidak terhenti di situ selepas keputusan diumumkan, Najib masih berusaha menghalang pelantikan Tun Mahathir sebagai PM.

Bayangkan kalau PAS dalam gabungan PH, dah tentu Najib berjaya memujuk parti itu dengan seribu janji. Malam itu juga PAS akan khianat, bersama Najib dan UMNO dengan alasan demi menyelamatkan Melayu dan Islam.

Alhamdulillah, hari ini PH masih kekal sebagai pemerintah, dan In Sya Allah akan kekal untuk empat tahun lagi, serta terus mengekalkan selepas PRU 15 nanti.

**TUN DR MAHATHIR** dipilih sebagai Perdana Menteri sejak 16 Julai 1981 hingga 31 Oktober 2003, iaitu Perdana Menteri ke empat. Berusia 92 tahun, Mahathir dipilih sebulat suara oleh parti-parti komponen Pakatan Harapan selepas mereka menang 122 kerusi Parlimen daripada 222 kerusi dipertandingkan pada PRU14.

**Beliau sekali gus mencipta sejarah menjadi ketua Negara paling tua dilantik dalam dunia melalui proses demokrasi.**

**Ahli Parlimen Langkawi itu mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri di hadapan Yang Dipertuan Agong, Sultan Muhamad V dalam istiadat Angkat Sumpah Perdana Menteri ke-7.**

**Selain isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali. kesemua pemimpin tertinggi Pakatan Harapan yang terdiri daripada Presiden PKR, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail, Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng dan Presiden Amanah, Mohamad Sabu hadir dalam majlis tersebut.**

**Terdahulu, kira-kira jam 5 petang, Mahathir menghadap Sultan Muhamad V selepas pihak istana menerima warkah pemakluman daripada Harapan yang memaklumkan beliau dicadangkan dan dipersetujui sebagai perdana menteri.**

**Mahathir sebelum ini adalah Perdana Menteri Malaysia ke-4 yang paling lama memegang jawatan tersebut, iaitu selama 22 tahun.**

**Pada Oktober 2008, beliau melepaskan jawatan itu serentak Presiden UMNO yang selepasnya dianugerahkan dengan gelaran Bapa Pemodenan Malaysia.**

**Namun, kemudiannya beliau mengambil keputusan keluar dari UMNO dan kembali aktif dalam politik, memegang jawatan Pengerusi Bersatu dalam misi menentang Barisan Nasional (BN) pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.**

**Dalam PRU 14 pada Rabu, 9 Mei 2018, menyaksikan Harapan mencipta sejarah dan menamatkan penguasaan UMNO-BN yang menerajui Negara lebih 60 tahun.**

**Ini sekali gus menunjukkan negeri-negeri yang menjadi kubu kuat BN seperti Johor, Negeri Sembilan dan Melaka bertukar tangan kepada Pakatan Harapan, serta turut mengekalkan Pulau Pinang dan Selangor, Perak, manakala Kedah pula kembali dirampas.**

Sementara itu, Perdana Menteri Malaysia terdahulu ialah Tunku Abd Rahman Putra Al-Haj yang bermula 21 Ogos 1957, Tun Abdul Razak Hussin (22 September 1970 hingga 14 Januari 1976), Tun Hussein Onn (14 Januari 1976 hingga 16 Julai 1981), Tun Mahathir Mohamad (16 Julai 1981 hingga 31 Oktober 2003), Tun Abdullah Ahmad Badawi (31 Oktober 2003 hingga 1 April 2009) dan Datuk Seri Najib Tun Razak dari 3 April 2009 hingga 10 Mei 2018.

## **KRONOLOGI MAHATHIR**

**29 Februari 2016:** Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan keluar UMNO bagi kali ketiga.

**4 Mac 2016:** Mahathir menandatangani Deklarasi Rakyat bagi memberi tekanan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk meletakkan jawatan.

**14 Julai 2016:** Mahathir mengumumkan satu pakatan parti pembangkang yang melibatkan sebuah parti baharu, PKR, DAP dan Amanah akan ditubuhkan untuk menentang BN pada PRU 14.

**9 Ogos 2016:** Borang permohonan untuk mendaftarkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan (ROS).

**8 November 2016:** Mahathir diumumkan sebagai Pengerusi Bersatu.

**14 Mac 2017:** Bersatu secara rasmi mengumumkan menyertai Pakatan Harapan (Harapan).

**14 Julai 2017:** Mahathir dilantik sebagai Pengerusi Harapan.

**7 Januari 2018:** Harapan meramalkan Mahathir sebagai calon Perdana Menteri sekiranya menang PRU 14.

**15 April 2018:** Mahathir diumumkan sebagai calon Parlimen Langkawi.

**9 Mei 2018:** PRU 14: Mahathir menang di kerusi Parlimen Langkawi.

**10 Mei 2018: Mahathir mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-7 di hadapan Yang DiPertuan Agung Sultan Mohamad V.**

## **GST AKAN DIHAPUSKAN -----**

**PAKATAN HARAPAN** akan menunaikan janjinya untuk menghapuskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) selepas membentuk kerajaan persekutuan.

Pengerusinya, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) akan dikembalikan semula untuk menggantikan GST.

GST sebanyak enam peratus di Malaysia diperkenalkan pada 1 April 2015 untuk menggantikan SST.

## **Sikap terlebih yakin membawa rebah**

**BANYAK** yang boleh diperkatakan tentang tsunami rakyat dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 14, pada 9 Mei 2018.

Keputusannya juga sudah sedia maklum. Dalam konteks negeri, Barisan Nasional (BN) Selangor bukan sahaja gagal tetapi rebah tersungkur ditendang pengundi.

Merujuk tulisan Mohd. Asron Mustapha di Analisis Utusan Malaysia (ms 6), edisi Jumaat, 11 Mei 2018, ternyata dalam politik apa saja boleh berlaku. Di Selangor, Pakatan Harapan hampir menyapu bersih kesemua kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Hanya dua daripada 22 Parlimen tinggal untuk BN, dan cuma empat kerusi DUN Selangor 'sangkut' pada BN.

Enam kerusi BN itu hanya meliputi Parlimen Sabak Bernam dan Tanjong Karang selain DUN Sungai Air Tawar, Sungai Panjang, Hulu Bernam dan Sungai Burong. Selebihnya semua hanyut disapu

**dalam gelombang yang mengejutkan.**

**Persoalannya tidakkah BN negeri mahu pun pusat menyedari bibit-binit gelombang ini? Sedangkan isyarat itu dikesan lebih awal. Mana mungkin sebuah gelombang sebegitu besar tidak disedari, kecuailah ada pihak sengaja tidak ambil kisah, ketika ia masih bersifat arus.**

**Dalam konteks Selangor, benar BN di bawah kepimpinan Tan Sri Noh Omar kuat bekerja dan komited untuk menang. BN tiada isu perpecahan dan tampil 'solid' tetapi mengapa ia dihukum sebegitu rupa? Tentulah sekali ada sesuatu yang perlu direnungi antaranya sifat terlebih yakin.**

**Sifat terlebih yakin itu dilihat menjadi pendorong utama kepada BN Selangor dan juga pusat untuk mengabaikan arus yang menjadi bibit-bibit awal kepada gelombang tsunami.**

## **Menteri BN yang tumbang**

- |                                      |  |
|--------------------------------------|--|
| 1. Datuk Seri Liow Tiong Lai         | Bekas Menteri Pengangkutan                           |
| 2. Datuk Seri Dr S. Subramaniam      | Bekas Menteri Kesihatan                              |
| 3. Datuk Seri Mah Siew Keong         | Bekas Menteri Perusahaan<br>Perladangan dan Komoditi |
| 4. Datuk Seri Johari Abdul Ghani     | Bekas Menteri Kewangan II                            |
| 5. Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek    | Bekas Menteri Pertanian dan<br>Industri Asas Tani    |
| 6. Datuk Seri Salleh Said Keruak     | Bekas Menteri Komunikasi<br>Dan Multimedia           |
| 7. Datuk Seri Abdul Rahman<br>Dahlan | Bekas Menteri di Jabatan<br>Perdana Menteri          |
| 8. Datuk Seri Jamil Khir Baharom     | Bekas Menteri di Jabatan                             |

## **Timbalan Menteri:**

Datuk Nasrun Datuk Mansor  
Datuk Johari Baharum  
Datuk Rosnah Abd Rashid Shirlin  
Datuk Seri Razali Ibrahim  
Datuk Othman Aziz  
Datuk Lee Chee Leong  
Datuk Hamim Samuri  
Datuk Seri Nur Jazlan Mohamed  
Datuk Chua Tee Yong  
Datin Paduka Chew Mei Fun  
Datuk Seri Dr Hilmi Yahya  
Datuk Abd Aziz Kaprawi  
Datuk M Loga Bala  
Datuk Nogeh Gumbek  
Datuk Dr Mary Yap Kain Ching  
Datuk P Kamalanathan  
Datuk Chong Sin Woon  
Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki  
Datuk Seri S K Devamany

## **GERGASI BN YANG TUMBANG**

- 1. P 074 LUMUT:** Zambry Abdul Kadir tewas kepada Mohd Hatta Md Ramli (PKR).
- 2. P 012 JERAI:** Datuk Seri Jamil Khir Baharom tewas kepada Sabry Azit (PKR)

3. **P 053 BALIK PULAU:** Hilmi Yahya tewas kepada Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR)
4. **P 149 GANDING:** Ab Aziz Kaprawi tewas kepada Shahrudin Md Salleh (PKR) --
5. **P 160 JOHOR BAHRU:** Shahrir Abdul Samad tewas kepada Akmal Nasir (PKR)
6. **P 040 KEMAMAN:** Ahmad Shabery Cheek tewas kepada Che Alias Abd Hamid (PAS).
7. **P 036 KUALA TERENGGANU:** Raja Kamarul Bahrin Shah (PKR) tewas kepada Ahmad Amzad Hashim (PAS)
8. **P 121 LEMBAH PANTAI:** Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin tewas kepada Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil (PKR)
9. **P 089 BENTONG:** Liow Tiong Lai tewas kepada Wong Tack
10. **P 129 KUALA PILAH:** Hasan Malek tewas kepada Edoin Shazlee Shith (PKR)
11. **P 094 HULU SELANGOR:** P. Kamalanathan tewas kepada Junie Leow Hsiad Hui (PKR)
12. **P 169 KOTA BELUD:** Salleh Said Keruak tewas kepada Munirah Majilis (Warisan)
13. **P 063 TAMBUN:** Ahmad Husni Mohamad Hanadziah tewas kepada Ahmad Faizal Datuk Azumu (PKR)
14. **P 159 PASIR GUDANG:** Mohamed Khaleed Nordin tewas kepada Hassan Abdul Karim (PKR)
15. **P 076 TELUK INTAN:** Mah Siew Kiong tewas kepada Nga Kor Ming (PKR)

## MEMPEROLEHI UNDI MAJORITI MELEBIHI 30,000

<b>1. P 1021: Damansara</b>				
Tony Pua (PKR) .. ..	121,283			
<b>2. P 102: Bangi</b>				
Ong Kian Ming (PKR) .. ..	102,557			
<b>3. P 111: Kota Raja</b>				
Mohamad Sabu .. ..	90,697			
<b>4. P 142: Iskandar Puteri</b>				
Lim Kit Siang .. ..	80,726			
<b>5. P 098: Gombak</b>				
Mohamed Azmin Ali .. ..	75,113			
<b>6. P 154: Tebrau</b>				
Choong Shiau Yoon (PKR) ..	64,535			
<b>7. P 045: Bukit Mertajam</b>				
Sim Chee Keong (PKR) .. ..	63,784			
<b>8. P 143: Puchong</b>				
Gobind Singh Deo (PKR) .. ..	60,429			
<b>9. P 108: Shah Alam</b>				
Khalid Abd Samad (PKR) .. ..	55,949			
<b>10.P 065: Ipoh Barat</b>				
M Kulasegaran V Munugeson (PKR)	55,613			
<b>11.P 163: Kulai</b>				
Teo Nie Ching (PKR) .. ..	55,312			
<b>12.P 099: Ampang</b>				
Zuraidah Kamaruddin (PKR) ..	54,307			
<b>13.P 043: Bagan</b>				
Lim Guan Eng (DAP) ..	51,653			
<b>14.P 052: Bayan Baru</b>				
Sim Tze Tsin (PKR) .. ..	51,555			
<b>15.P 048: Bukit Bendera</b>				

Wong Hon Wai (PKR)	.. ..	50,049
16.P 071 Gopeng		
Lee Boon Chye (PKR)	..	48,923
17.P 195: Bandar Kuching		
Kelvin Yii Lee Wuen	.. ..	48,548
18.P 152: Kluang		
Wong Shu Oi (PKR)	.. ..	47,671
19.P 150: Batu Pahat		
Mohd Rashid Hasnon (PKR)	"	45,929
20.P 120: Bukit Bintang		
Fong Kui Lun (PKR)	"	44,516
21.P 044: Permatang Pauh		
Nurul Izzah Anwar (PKR)	.. ..	35,534

**NAJIB DAN PEMIMPIN KRONINYA TERLALU ANGKUH**  
**SESUNGGUHNYA,** banyak keraguan tercetus sejak Najib mengambil Alih tampuk peemerintahan Negara. Antaranya termasuklah mengenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebanyak enam peratus dan harga petrol yang mahal serta berubah-ubah pada setiap minggu, selain menaikkan bayaran tol.

Sikap merendah-rendah kewibawaan Tun Dr Mahathir yang didakwa pemimpin ini sudah berusia lanjut dan gila untuk menjadi Perdana Menteri selepas mengetuai kerajaan selama 22 tahun sentiasa dicanang melalui media-media elektronik.

Selain menguasai media-media elektronik sebelum itu lagi, Najib turut bersikap terlalu yakin yang UMNO/BN mampu terus menguasai negara kerana didakwanya mendapat sokongan padu daripada rakyat/ pengundi.

**Najib dan pemimpin-pemimpin kroninya dilihat terlalu BACOL apabila mereka berkempen habis-habisan di media elektronik sejak sebelum hari penamaan calon lagi (28 April 2018). Media-media itu semacam sudah dikawal mereka, sedangkan parti-parti pembangkang langsung tidak diberi peluang.**

**Najib dan pemimpin kroni itu terlalu angkuh, seolah-olah kata-kata mereka melebihi kuasa Allah SWT yang sentiasa memerhati keangkuhan tersebut. Mereka melupai kuasa dan ketentuan Yang Maha Esa.**

**Disebabkan terlalu yakin dan menyangka terus berkuasa selepas PRU 14, Najib mengambil mudah segala barangan yang berharga yang diselewengkan sepanjang dia sebagai Perdana Menteri. Dalam erti lain, dia tidak menyoroknya sebahagian besar barang-barangan yang dikatakan berharga itu.**

**Selain Najib, Ahmad Zahid Hamidi (ketika itu Timbalan Perdana Menteri) turut angkuh di media-media elektronik. Mereka cuba megabui mata rakyat dengan pelbagai strategi yang songsang. Sikap mereka seolah-olah melupai kuasa dan kehendak Allah SWT.**

## **GANI DIPECAT KERANA CUBA DAKWA NAJIB**

**TUN DR MAHATHIR** Mohamad berkata, Tan Sri Abdul Gani Patail dipecat dari jawatan Peguam Negara ketika merancang untuk mendakwa Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dr Mahathir berkata, perkara itu didedahkan Abdul Gani ketika bekas Peguam Negara itu datang menemui beliau di Yayasan Kepimpinan Perdana pada 16 Mei 2018.


“Saya bertanya kenapa beliau diberhentikan sebagai Peguam Negara pada 2015. Abdul Gani dipecat ketika sedang membuat persediaan untuk mendakwa Najib. Tetapi anda tahu apa yang berlaku pagi

Najib mungkin sedar yang pentadbirannya sebelum ini zalim dan menganiaya rakyat.

najib dipercayai banyak melakukan penyelewengan, membohongi dan membebankan hidup rakyat mungkin dia melupai kuasa Allah bahawa membohongi itu matinya seseorang pemimpin berkemungkinan tidak masuk syurga

Banyak perkara yang dilakukan Najib menyebabkan rakyat benci sehingga kerajaannya tumbang pada PRU 14

# PRU 14 TUMBANGNYA KERAJAAN NAJIB



**ZAMAN AZAD KHAN**  
CETAKAN PERTAMA : JUN 20

ISBN 978-967-13880-2-0



9 789671 388020

